

Malaysia bakal terajui teknologi kereta elektrik

Oleh HATA WAHARI

11/10/03-UM

PUTRAJAYA 10 Okt. — Malaysia bakal menjadi pemimpin dalam teknologi kereta elektrik dengan kejayaan InventQjaya Sdn. Bhd. (InventQjaya), syarikat teknologi tinggi di Cyberjaya membangunkan jana kuasa bahan bakar logam untuk kereta elektrik hibrid.

Syarikat itu akan menjalankan uji pandu 'MeVictory', versi kenderaan hibrid konvensional yang telah diubahsuai ke Alor Star dan kembali semula sempena pelancaran rasmi makmalnya, InventQjaya, usaha sama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc. dari Amerika Syarikat di Cyberjaya esok.

Ujian pandu ke atas MeVictory, kenderaan gabungan elektrik menggunakan jana kuasa dengan bahan bakar logam itu akan dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Uji pandu di sekitar Cyberjaya semalam menyaksikan kenderaan itu berjaya meliputi 516km, memecahkan rekod Guinness World Record iaitu 344.67km yang dilakukan di New York oleh Reveo Inc.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif InventQjaya, Dr. Sadeq Mustafa Faris berkata, teknologi bahan bakar logam tersebut menggunakan bahan bakar timah untuk menghasilkan tenaga elektrik bagi mengerakkan kereta elektrik hibrid.

■ Lihat muka 4

Malaysia bakal terajui teknologi kereta elektrik

Tambahnya, teknologi bahan bakar logam ini bukan seperti bateri tetapi menggunakan logam timah yang menjadi bahan bakar utama seperti minyak petrol yang digunakan oleh kereta biasa.

"Yang membezakan antara bahan bakar logam dengan minyak petrol ialah ia tidak mencemarkan alam sekitar, tidak mengeluarkan asap serta boleh di isi semula semasa dalam perjalanan seperti kereta-kereta yang menggunakan minyak petrol.

"Ini berlainan dengan kereta elektrik lain yang terpaksa dicas semula selepas digunakan untuk tempoh tertentu, tetapi menggunakan teknologi bahan bakar logam ini, hanya perlu mengisi logam timah dan kereta tersebut boleh bergerak," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini hari ini.

Mengubahsuai

Dr. Sadeq memberitahu, pasukannya telah mengubahsuai kenderaan hibrid konvensional itu dengan membuang enjin petrol asalnya dan menggantikannya dengan jana kuasa yang menggunakan bahan bakar logam buatan Malaysia.

"Janakuasa dengan bahan bakar logam mempunyai nilai komersial.

"InventQjaya berhasrat untuk menjadikan MeVictory sebagai kenderaan elektrik hibrid pertama dipandu menggunakan jana kuasa bahan bakar logam dan mengadakan demonstrasi pengisian semula bahan bakar sel logam dalam kenderaan elektrik.

"Janakuasa bahan bakar logam itu akan terlebih dahulu dipasarkan di Malaysia terutamanya untuk bekalan elektrik di kawasan luar bandar, sebelum menjual inovasi itu di negara lain," katanya.